

21/01/2004

Laos lubuk emas pelabur

Mustapa Omar

TEBING Sungai Mekong tidak lagi sepi seperti dulu. Deretan lori mengangkut tanah merah dan bahan binaan serta kerja pembangunan yang sedang rancak dijalankan memecah keheningan kota Vientiane.

Malah, dinding papan yang memagari kawasan projek pembangunan itu seolah-olah menenggelamkan sungai yang menjadi sempadan antara Laos dan Thailand.

Sejak empat bulan lalu, beratus-ratus pekerja dari China berhempas pulas melaksanakan projek pembinaan sebuah pusat beli-belah dan hotel bertaraf lima bintang - Hotel Don Chan Palace - yang dimajukan Sun Holdings Company Ltd, syarikat milik penuh rakyat Malaysia.

Mereka hanya ada kira-kira sembilan bulan lagi untuk menyiapkan hotel 420 bilik itu bagi membolehkan ia digunakan sebagai tempat berlangsung Sidang Puncak Asean, November depan.

Projek berkenaan perlu siap mengikut jadual bagi memastikan persiapan untuk menjayakan persidangan yang pertama kali dianjurkan di Laos itu berjalan lancar.

Sebenarnya, pembinaan hotel dan kompleks beli-belah membabitkan belanja AS\$40 juta (RM152 juta) itu adalah bukti kepercayaan Kerajaan Laos terhadap pelabur Malaysia.

Perdana Menteri Laos, Bounnhang Vorachith pada pertemuannya dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin sangat berharap Sun Holdings menyiapkan projek berkenaan dalam masa ditetapkan. Sektor perhotelan dan pelancongan sebenarnya bukan baru bagi pelabur Malaysia di Laos.

Selain Sun Holdings, sebuah lagi syarikat Malaysia terbabit dalam sektor itu dan memiliki dua hotel iaitu di Vientiane dan di Tasik Nam Ngam, tidak jauh dari ibu kota berkenaan.

"Sebenarnya, banyak lagi bidang yang boleh diterokai seperti pembangunan infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pembangunan sumber manusia. Oleh itu, Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) antara kedua-dua negara diadakan Mei ini bagi membincangkan langkah susulan terhadap keputusan perbincangan antara saya dengan Perdana Menteri Laos itu," kata Abdullah, kelmarin.

Dalam pada itu, Laos juga mempelawa syarikat Malaysia melabur dalam pelbagai bidang di negara berkenaan sebagai langkah memperluaskan kerjasama antara kedua-dua negara.

Mungkin kini hanya ada 70 rakyat Malaysia, khususnya usahawan yang terbabit dalam pelbagai kegiatan, tetapi impaknya ternyata begitu ketara.

Usahawan Malaysia bukan saja mendapat pengiktirafan pelbagai pihak, malah kerajaan Laos sendiri memberi kepercayaan kepada mereka untuk melaksanakan projek penting di negara itu.

Ini terbukti apabila pada pertemuan kelmarin, kedua-dua Perdana Menteri bersetuju hubungan dua hala adalah dalam keadaan baik, tidak ada faktor yang menghalang ataupun yang menimbulkan keadaan kurang senang hati dalam hubungan antara kedua-dua negara.

Oleh itu, pada pertemuan dengan usahawan dan rakyat Malaysia yang bekerja di Laos, Abdullah menyatakan rasa puas hatinya terhadap sumbangan mereka yang membantu menaikkan kedudukan Malaysia sebagai pelabur keempat terbesar di Laos dengan pelaburan bernilai lebih RM1.2 bilion.

Lawatan ke Laos kelmarin sebenarnya amat bermakna kepada Abdullah kerana beliau sendiri secara langsung terbabit dalam usaha membawa negara berkenaan dan jirannya Myanmar menyertai Asean pada 1997, manakala Kemboja

menyertai perkumpulan itu dua tahun kemudian.

Ketika itu beliau selaku Menteri Luar adalah pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Asean yang diadakan di Kuala Lumpur.

Penyertaan Laos dalam Asean adalah titik tolak kepada pembangunan negara berkenaan selepas berabad lamanya mengamalkan dasar tertutup. Mungkin tidak banyak yang boleh ditawarkan oleh negara berkenaan, tetapi ia sudah cukup membuatkan pelabur asing tertarik untuk mengintainya.

Walaupun hanya lapan jam berada di Vientiane, kunjungan Abdullah itu membawa 1,000 makna dalam hubungan dua hala di antara Laos dan Malaysia, khususnya membabitkan kerjasama dalam usaha meningkatkan pembangunan negara miskin di tengah-tengah semenanjung Indochina itu.

Kita berharap lawatan berkenaan bukan sekadar kunjungan hormat selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu, malah akan membuka lembaran baru dalam hubungan dua hala antara kedua-dua negara.